



14 APR, 2021

## Tanam pokok untuk kita dan generasi masa depan - Kaka Azraff

Wilayahku, Malaysia



Page 1 of 2

## Tanam pokok untuk kita dan generasi masa depan - Kaka Azraff

**DEEL ANJER**

PENYANYI popular Kaka Azraff menyaran-kan masyarakat mengambil inisiatif untuk menanam lebih banyak pokok bagi mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang melanda negara.

Menurut Kaka atau nama sebenarnya **Nor Atiqah Noor Azraff**, 31, ramai yang mengelu- setiap kali cuaca panas terik melanda, namun tiada usaha untuk mengurangkan kesannya.

Bagi Kaka, penanaman pokok-pokok hijau adalah antara langkah terbaik apabila berhadapan dengan cuaca panas.

"Penanaman pokok-pokok bahru dapat membantu menyerap karbon dioksida dari udara yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Ini sudah cukup membuktikan betapa pentingnya penanaman pokok."

"Mungkin ada yang cakap, apabila cuaca panas baru nak tanam pokok. Bagi saya, itu satu tanggapan yang salah."

"Kita semua tahu, cuaca panas yang melan-

da negara berlaku setiap tahun dan ia sukar dijangka. Kadang-kadang ia mengambil tem- poh yang panjang."

"Dalam masa yang sama, kita perlu menanam lebih banyak pokok bukan sahaja untuk kita, tetapi juga generasi masa hadapan," jelas Kaka Azraff yang memekankan isu alam sekitar adalah tanggungjawab bersama dan bukan kerajaan semata-mata.

Bagi Kaka, sama ada masyarakat di bandar atau luar bandar bukannya alasan untuk meng- abikam tanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Saya tahu ada sesetengah masyarakat yang tinggal di bandar menjadikan alasan ruang sempit atau terhad dan kurangnya Cahaya matahari untuk tidak menanam pokok."

"Sebenarnya ada banyak cara cuma pemikiran kita sudah terbiasa, kalau tanam pokok mestilah di atas tanah."

"Bagi mereka yang tinggal di rumah flat, apartmen atau kondominium boleh menggunakan kaedah tanaman bertingkat untuk mengatasi ruang terhad."

"Senang saja, beli rak bertingkat untuk le- tak pasu. Tinggi mana tingkat rak itu biarlah bersesuaian dengan keadaan rumah."

"Rak bertingkat banyak dijual di mana-mana pasar raya dan boleh juga dibeli secara atas talian," ujarnya lagi.

Kaka juga memberi cadangan kepada mereka yang tidak mahu rumahnya kotor dengan tanah, bolehlah mencuba hidroponik iaitu kaedah menanam tanpa tanah.

"Melalui kaedah ini, anda boleh menanam pokok sayur-sayuran yang sesuai ditanam tanpa tanah."

"Cari sahaja di internet atau layari laman sesawang jabatan pertanian, pasti ada cara-naya," ujarnya lagi.

Cadangan Kaka ini menunjukkan ruang terhad bukanlah alasan untuk tidak menanam pokok asalkan kita kreatif.

Apa yang penting adalah kemajuan untuk sama-sama menjaga alam sekitar terutamanya apabila berhadapan cuaca panas. **W.K**



KAKA AZRAFF



14 APR, 2021

## Tanam pokok untuk kita dan generasi masa depan - Kaka Azraff

Wilayahku, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PENYANYI popular Kaka Azraff menyarankan masyarakat mengambil inisiatif untuk menanam lebih banyak pokok bagi mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang melanda negara. Menurut Kaka atau nama sebenarnya Nor Atiqah Noor Azraff, 31, ramai yang mengeluh setiap kali cuaca panas terik melanda, namun tiada usaha untuk mengurangkan kesannya. Bagi Kaka, penanaman pokok-pokok hijau adalah antara langkah terbaik apabila berhadapan dengan cuaca panas.